Bedaun menerima kunjungan pemantauan dan bimbingan daripada Pegawai Khas Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia Sektor Operasi Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia Haji Abdul Razak Sulaiman bersama rombongan pegawai Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk memantau dan memastikan pihak sekolah telah bersedia dalam pengurusan pelaksanaan SOP bagi sekolah sebelum sesi persekolahan norma baharu.

Selain itu juga, sekolah diingatkan agar menitikberatkan SOP dalam setiap aspek persediaan yang dijalankan oleh pihak sekolah sebelum sesi persekolahan bermula pada 15 Julai 2020.

Antara SOP yang dititikberatkan sewaktu pemantauan termasuklah stesen imbas suhu, penjarakan sosial (bilik darjah/ bilik guru/pejabat), pelan dan label laluan kawasan sekolah dan bilik darjah, tatacara melihat semua pihak sudah melakukan persiapan yang cukup untuk pembukaan semula sekolah.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada semua warga SK Sungai Bedaun kerana telah bersedia dari semua aspek bagi persediaan pembukaan sekolah pada 15 Julai ini.

Sementara itu, Guru Besar SK Sungai Bedaun Dg Sarifah A. Mahmod berkata, semua warga sekolah telah berganding bahu melakukan persiapan yang rapi serta mematuhi Garis bantu mencegah penularan serta memutuskan rantaian COVID-19.

Sementara itu, kelas prasekolah telah memulakan sesi pembelajaran pada 1 Julai lalu.

Murid-murid prasekolah amat teruja untuk kembali ke sekolah.

Alhamdulillah sesi persekolahan prasekolah di SK Sungai Bedaun berjalan lancar.

Guru Besar berharap agar ibu bapa bersama-sama memberi kerjasama untuk menasi- bagi murid tahun 5 dan 6 akan bermula pada 15 Julai manakala murid-murid yang lain akan kembali ke sekolah pada 22 Julai 2020.

"Oleh itu sama-sama kita merealisasikan harapan kerajaan Malaysia dengan menggunakan tanda pagar kita mesti menang. #Kitamestimenang," kata Dg Sarifah.

Turut hadir Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan Yusuf Mohamad.



**SUKAT SUHU:** Guru bertugas menyukat suhu murid apabila tiba di pekarangan sekolah.



**REKOD MAKLUMAT:** Murid dihantar ke sekolah oleh ibu bapa dan maklumat murid direkod melalui sistem QR Code.



**TERUJA:** Hari pertama persekolahan prasekolah, murid teruja untuk belajar.



**JAMUAN:** Rombongan pelawat menikmati jamuan ringan setelah selesai sesi pemantauan.